

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: IPOH, PERAK

TARIKH: 13 JUN 1982

MASA:

Bismillahir-Rahmanir-Rahim.
Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Saudara-saudara muslimin dan muslimat sekalian,

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, dapat saya dan isteri saya bersama-sama mengahdiri Majlis Pembukaan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada malam ini. Kepada saudara-saudara sekalian yang hadir saya mengucapkan terima kasih kerana sudi menyeri dan meraikan upacara yang mulia ini. Semoga penyertaan kita ini akan diberkati Allah Subhanahu Wataala dan kita akan menerima kurnia petunjuk dan hidayahNya.

2. "Disiplin dan Kesungguhan Bekerja di dalam Islam" yang sesuatu perkara keagamaan tetapi sebaliknya ia merupakan perkara umum yang dapat memberi faedah dan syafaat kepada sesiapa jua, termasuk mereka yang bukan Islam. dan peraturan yang menjadi daya penggerak bagi tindakan dan tingkah laku seseorang. Disiplin lahir dari kemampuan dan penerimaan apa yang membezakan yang patut dengan apa yang tidak patut, apa yang baik dan apa yang buruk, dan apa yang harus dilakukan dan apa yang tidak. Kesungguhan pula ialah ketekunan dan dedikasi dalam melakukan sesuatu. Kesungguhan mungkin lahir dari disiplin, dan mungkin lahir kerana kepercayaan dan keyakinan. Sebaliknya kesungguhan pula boleh membawa kepada disiplin. Oleh itu kita dapat lihat bagaimana secara umumnya disiplin dan kesungguhan dapat menjadi daya penggerak yang berkesan bagi seseorang manusia.

Saudara-saudara sekalian,

4. Saya telah menyentuh mengenai disiplin dan kesungguhan secara umum. Sebenarnya sebagai orang Islam kita boleh melihat disiplin dan kesungguhan dengan cara terperinci dan mendalam kerana Islam merupakan satu cara hidup yang paling sempurna dan penuh disiplin dan mementingkan kesungguhan.

5. Banyak peraturan yang perlu kita patuhi sebagai seorang Islam. Sembahyang misalnya mempunyai peraturan yang diatur dengan begitu rapi. Sebelum sembahyang kita dikehendaki mengambil wudhu' dengan wajib dan sunat serta bacaan dan doanya. Pakaian dan tempat sembahyang mesti bersih.

Seterusnya setiap kelakuan kita di dalam sembahyang mempunyai tertib dan aturannya. Apatah lagi kita dikehendaki khusus' menjalankan tugas bersembahyang dengan

6. Oleh itu kita dapati sistem disiplin dan kesungguhan menjalankan tugas diberi kepentingan yang amat sangat di dalam sembahyang. Ini sebenarnya kita dapat kita lihat dalam semua amal ibadat di dalam Islam; malah jika seseorang Islam itu mengikut semua ajaran Islam, seluruh hidupnya akan mencerminkan nilai disiplin dan kesungguhan yang amat tinggi sekali. Dengan mudah dapat kita membuat kesimpulan bahawa disiplin dan kesungguhan merupakan dua sifat penting keperibadian Islam yang tulen. Oleh sebab Islam merupakan satu keseluruhan cara hidup yang lengkap maka disiplin dan kesungguhan tidak terhad kepada amal ibadat yang asas seperti sembahyang, puasa, haji dan seumpamanya tetapi dalam semua tindakan dan gerak-geri yang tidak melanggar batas dan hukum-hukum Islam.

7. Soalnya, "Apakah disiplin dan kesungguhan tidak menjadi sifat bagi mereka yang bukan-Islam, khususnya mereka yang maju?" Sebenarnya sifat-sifat inilah yang menjadikan mereka hampir serba-serbi umat Islam begitu mundur sekali?" Kemunduran umat Islam bukanlah kerana Allah (swt)

mempraktikkan ajaran-ajaran Islam apatah lagi untuk menegakkan nilai-nilai Islam yang luhur dan mulia itu.

8. Hakikat ini mungkin begitu pahit untuk kita terima. Kita selalu digesa dan kita pula selalu menggesa tentang keagungan Islam hinggakan kebanyakan kita berada seolah-olah di awang-awangan. Kita mengagungkan Islam seolah-olah kerana kita tidak mahu berhadapan dengan hakikat bahawa, sebagai orang Islam, kita lemah dalam segala-galanya. Memang Islam agung, Islam mulia, Islam lengkap dan Islam sempurna. Tetapi apakah dengan melaungkan Islam agung, Islam mulia, Islam lengkap dan Islam sempurna kita telah sampai kepada kebenaran mengenai diri kita sendiri sebagai umat dan individu Islam. Kebenaran itu adalah pahit dan yang pahit pula selalunya menjadi ubat yang paling mujarab. Begitulah juga bagi kita umat Islam; kita harus berani berhadapan dengan kenyataan bahawa kita lemah, kita mundur, kita kurang kemampuan, dan lebih-lebih lagi kita kurang disiplin dan kita kurang kesungguhan. Kita tidak menggunakan segala sumber, tenaga dan potensi yang ada pada kita bagi mengubah "nasib" kita.

Saudara-saudara muslim-muslimat sekalian,

9. Tidak ada cara yang paling berkesan bagi menjamin masa depan umat Islam kecuali dengan meningkatkan disiplin dan kesungguhan di dalam semua lapangan termasuk lapangan pekerjaan. Di samping menjalankan amal ibadat kita dengan penuh disiplin dan khusus' serta bersungguh-sungguh, kita juga hendaklah bekerja dan berusaha mengikut landasan disiplin yang dikehendaki oleh Islam. Di dalam Islam, setiap individu Islam dikehendaki bekerja dan berusaha dan menjalankan kerja atau tugas kita dengan bersungguh-sungguh, dengan ikhlas dan dengan penuh minat. Orang yang enggan

bekerja, malu dengan sesuatu pekerjaan yang halal atau cuma sanggup meminta dari orang lain ataupun tidak mahu bersungguh-sungguh bekerja adalah hina di dalam Islam. Ini setiap individu Islam harus terima dan insafi.

10. Islam menyuruh kita berusaha. Berusaha sahaja tidak mencukupi; kita disuruh berikhtiar. Seterusnya kita disuruh berdoa dan akhirnya barulah kita bertawakkal. Islam tidak menyuruh kita berserah bulat-bulat kepada takdir dan berputus asa. Islam adalah agama yang dinamis bukan pasif; jika ia dilihat sebagai pasif ini adalah kerana orang yang melihatnya itu pasif, tetapi Islam tidak pasif.

11. Baru-baru ini Kerajaan telah menggesa rakyat untuk mengikut dan mempelajari sikap dan tata-cara kerja orang-orang Jepun dan orang-orang Korea Selatan. Mungkin ada mereka yang keliru dengan hakikat sebenar seruan ini. Yang kita pentingkan di sini ialah sikap dan tata-cara orang-orang ini bekerja dan inilah yang kita mahukan. Perkara yang buruk kita tidak mahu; bukan sahaja perkara yang buruk dari orang Jepun, malah perkara yang buruk dari orang lain dan juga perkara yang buruk dari orang Malaysia pun kita tidak mahu. Kita mahu apa yang baik sahaja. Orang Jepun dan orang Korea Selatan merupakan orang-orang yang berdisiplin tinggi dan kuat bekerja. Tidak salah kalau kita belajar dan meniru mereka untuk menguatkan disiplin kita dan untuk menanam sifat kuat bekerja di kalangan kita. Pada hemat saya dengan cara ini kita dapat mengisi rangka-rangka disiplin dan kesungguhan yang dituntut oleh agama Islam kita jika kita memupuk nilai disiplin dan kesungguhan bekerja di kalangan masyarakat kita. Dengan cara ini kita dapat memperkukuhkan lagi nilai-nilai yang sebenarnya telahpun diberi kepentingan oleh Islam tetapi kerana sebab-sebab tertentu orang-orang Islam sendiri kurang mengamalkannya dalam bidang pekerjaan untuk dicontohi oleh kita. Namun demikian saya yakin pada satu ketika nanti, setelah kita dapat menghayati amalan disiplin dan kesungguhan, sikap dan tata-cara bekerja kita dengan prinsip-prinsip Islam yang lain barulah kita dapat menyamakan kemuliaan Islam dan penganut-penganut Islam itu sendiri dan barulah contoh yang baik akan lahir di kalangan masyarakat kita sendiri iaitu masyarakat Islam sendiri.

12. Kerja yang halal dengan disiplin dan kesungguhan sebagaimana dituntut oleh Islam adalah ibadat. Jika setiap individu Islam melihat kerjanya sebagai ibadat yang mana buruk-baiknya akan ditimbang dan dihisab untuk menentukan balasan di akhirat kelak, golongan pekerja Islam akan menjadi golongan pekerja yang paling berdisiplin dan kuat bekerja dan akan menjadi tenaga yang paling berkesan di dalam semua bidang pembangunan dan dakwah. Oleh itu, amalan disiplin dan kesungguhan bekerja merupakan intisari kaedah dakwah yang dikehendaki oleh Islam kerana buruk-baik yang berlaku di dalam masyarakat Islam banyak dipengaruhi oleh penyelewengan dalam kerja iaitu kerja yang bukan lagi mendapat ganjaran ibadat malah mendatangkan keburukan kepada masyarakat dan kepada mereka yang melakukannya sendiri.

13. Saya menyentuh kaedah dakwah di sini kerana terdapat sebahagian besar daripada umat Islam yang melihat dan memahami dakwah dengan cara yang sempit. Mereka menganggap dakwah sebagai meliputi peraturan-peraturan ibadat-ibadat asas yang bersangkutan-paut dengan frdhu 'ain ataupun perkara-perkara yang remeh-temeh. Perkara-perkara ini antarabangsa. Segala tingkah laku dan gerak geri serta tindakan yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam di dalam bidang-bidang ini yang dapat difahami dan diamalkan oleh individu-individu Islam adalah di dalam lingkungan dakwah dan perlu diberi perhatian yang seimbang oleh pendakwah dan badan-badan dakwah. Menjalankan tugas dan kerja dengan disiplin dan bersungguh-sungguh hendaklah didakwahkan sehingga kita semua menjadi manusia memberi nilai yang tinggi dan mengamalkan disiplin dan kesungguhan bekerja.

Saudara-saudara sekalian,

14. Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran adalah acara yang mulia yang harus memberikan kepada kita banyak keinsafan dan pengajaran. Kita harus mengambil peluang dari Majlis ini untuk mengambil tauladan dan pengajaran dari ayat-ayat Al-Quran yang diperdengarkan. Seterusnya kita harus berusaha untuk menghayati prinsip-prinsip yang dianjurkan oleh Islam sebagaimana diterangkan di dalam ayat-ayat yang dibacakan. Bersamalah kita berdoa semoga Allah (swt) memberkati kehadiran kita di Majlis ini dengan melimpahkan petunjuk dan keimanan kepada kita.

15. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Musabaqah Membaca Al-Quran dan Kerajaan Negeri Perak serta semua pihak yang telah bekerja kuat membuat segala persiapan bagi menjayakan Majlis ini.

16. Akhir kata, dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya dengan segala sukacitanya membuka Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.